

PERLINDUNGAN

AIA ROADSIDE ASSIST



KHIDMAT BANTUAN TEPI JALAN 24 JAM DI HUJUNG JARI ANDA:

1800-88-8733 or 03-79890352

www.aia.com.my/roadsideAssist

IMBAS DISINI



Jika kereta anda mengalami kerosakan mekanikal atau kemalangan, bantuan akan tiba dengan hanya satu panggilan atau imbas kod QR untuk akses mudah ke laman web Roadside Assist. Pelbagai perkhidmatan tambah nilai disediakan untuk membantu anda.

Nota:

Layari www.aia.com.my/motorClaimGuide/ untuk melihat Panduan Tuntutan dan Soalan Lazim.

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)

Manfaat Sepintas Lalu:

AIA ROADSIDE ASSIST
Talian Perkhidmatan 24 Jam
1800 88 8733 / 03-7989 0352
www.aia.com.my/roadsideAssist

KHIDMAT PEMBAIKAN TEPI JALAN 24-JAM

- | | | |
|--|---|--|
|  Pertukaran tayar pancit |  Pertukaran bateri |  Jumpstart (Bantuan menghidupkan semula enjin kereta) |
|  Pengisian minyak |  Kerosakan/kegagalan mekanikal dan elektrik ringan |  Penghantaran tuntutan kemalangan jalan raya dan maklumat terkini status tuntutan |

Perkhidmatan disediakan dengan caj buruh percuma sehingga RM300 bagi setiap kejadian, termasuk bantuan tunda.

BANTUAN TUNDA KECEMASAN 24-JAM

Kami akan menguruskan perkhidmatan menunda kereta anda ke Bengkel panel AIA terdekat atau ke Bengkel francis. Semua perkhidmatan yang disediakan adalah percuma tetapi tertakluk kepada had RM200 bagi setiap kemalangan.

PENGHANTARAN PESANAN KECEMASAN

Kami akan memaklumkan keluarga anda tentang lokasi semasa anda, atas permintaan anda.

PENGHANTARAN TUNTUTAN

Isikan butiran kemalangan dan muat naik imej kemalangan serta dokumen berkaitan untuk mengemukakan tuntutan kepada AIA General Berhad.

STATUS TUNTUTAN

Anda boleh menyemak status proses tuntutan dan pembalikan kenderaan.

PERKHIDMATAN RUJUKAN PERCUMA

Kami akan menghubungkan anda kepada penyedia bantuan yang sewajarnya apabila anda menghadapi kesulitan.

- ✓ Bantuan Perubatan Domestik
- ✓ Bantuan Rumah
- ✓ Bantuan Perjalanan

Perhatian:

- Had Wilayah – Perkhidmatan Pembaikan Tepi Jalan dan Bantuan Tunda tersedia di Semenanjung Malaysia kecuali mana-mana pulau (melainkan Langkawi dan Pulau Pinang). Di Sabah & Sarawak, perkhidmatan tersebut disediakan untuk kawasan dalam lingkungan jarak 25 km dari pusat bandar Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Labuan, Sibu, Bintulu, Miri, Kuching dan di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo.
- Anda perlu menanggung sebarang kos yang dikenakan untuk tol, alat ganti, bateri atau petrol yang diperlukan semasa bantuan kerosakan.
- Untuk perkhidmatan rujukan di atas, anda perlu menanggung sebarang kos sebenar yang dikenakan. Perkhidmatan rujukan disediakan oleh pihak ketiga dan kesinambungan perkhidmatan ini adalah tidak dijamin.
- Anda perlu menanggung sendiri risiko bagi perkhidmatan yang diterima.

AIA Roadside Assist tidak akan disediakan bagi keadaan yang berikut:

1. Kenderaan dipandu oleh individu yang tidak mempunyai lesen memandu yang sah atau di bawah pengaruh dadah dan/ atau alkohol;
2. Kenderaan tidak mempunyai cukai jalan yang sah;
3. Kenderaan yang telah diubahsuai untuk mengambil bahagian dalam rali dan perlumbaan motor atau telah diubahsuai menyalahi undang-undang dan/atau peraturan atau digunakan untuk sebarang perkara yang melanggar undang-undang atau secara haram;
4. Kenderaan komersial.
5. Kenderaan rosak di luar had kawasan yang ditetapkan.
6. Kenderaan yang tidak dapat dibuka kerana tiada kunci atau tertinggal atau terkunci di dalam kereta;
7. Sekiranya bahagian mekanikal, seperti enjin atau transmisi kereta, telah dikeluarkan atau kenderaan tersebut telah dibuka sepenuhnya atau sebagiannya di bengkel;
8. Kenderaan berada di lokasi di mana akan, dijangka atau sedang berlaku rusuhan, mogok atau kekecohan awam seperti yang disiaran/ diumumkan melalui media massa;
9. Penundaan kenderaan untuk tujuan pelupusan, pemindahannya dari satu bengkel ke bengkel yang lain, atau selepas kenderaan dihantar untuk semburan cat; dan
10. Kenderaan curi yang telah dijumpai atau kenderaan ditinggalkan yang telah dirosakkan.

